

RANCANGAN PERNIAGAAN
KONTRAKTOR PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN KAWASAN
MAJU INDAH ENTERPRISE



DISEDIAKAN UNTUK :

PN. HAJJAH MARIAMAH BT. MOHD ALI
PENSYARAH ETR 300
INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA.

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD SYUKRI BIN MUID	93805112
AZMAN BIN TAMBY	93794387
HAZNIZAM BIN NGAMIL	93800366
INULADLI BIN MUNAJAT	93854086
MUHA SHARIFUDDIN BIN MOHAMAD	93830092

TARIKH : 12 APRIL 1996



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 31hb. Januari 1996
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 30/7B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azman Tamby	93794387
2.	Haznizam Ngamil	93800366
3.	Inuladli Hj Munajat	93854086
4.	Muhasharifuddin Mohamad	93830092
5.	Afmad Syukri Muid	93805112

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar


ASMAH H. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Pengetua

Diploma In Banking Studies 5A
ITM Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

8 April 1996

Puan Hajjah Mariamah bt Hj Ali
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan,

LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Saya mewakili kumpulan kami, dengan rasa bangganya ingin menyerahkan kertas projek Rancangan Perniagaan seperti yang diamanahkan kepada kami untuk menyelesaikannya sebagai syarat mata pelajaran Asas Keusahawanan.

Rancangan Perniagaan yang disebutkan di atas bertajuk Kontraktor Perkhidmatan Pembersihan Kawasan Dalaman Dan Luaran. Maklumat-maklumat yang diperlukan dalam rancangan perniagaan tersebut telah kami lakukan dengan sebaik mungkin dan ada dicatit di dalam Rancangan Perniagaan ini.

Kami berharap Rancangan Perniagaan ini akan dapat memberi kemanfaatan kepada semua pihak. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada puan di atas segala tunjuk ajar yang amat berguna daripada puan.

Sekian . Terima Kasih.

Yang benar

HAZNIZAM BIN NGAMIL.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Surat Penyerahan

Sekalung Penghargaan

Surat Perjanjian Kontrak

Logo dan Penerangan

Isi Kandungan

RANCANGAN PERNIAGAAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	TUJUAN	2
3.0	LATAR BELAKANG SYARIKAT	3
4.0	LATAR BELAKANG AHLI KONGSI	5
5.0	LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN	10
	5.1 LOKASI	
	5.2 AKTIVITI	
	5.3 KEMUDAHAN	
6.0	RANCANGAN ORGANISASI	12
	6.1 MATLAMAT DAN STRATEGI ORGANISASI	
	6.2 STRUKTUR ORGANISASI	14
	6.3 CARTA ORGANISASI	15
	6.4 SENARAI JAWATAN ORGANISASI	16
	6.5 SPESIFIKASI TUGAS	17

1.0 PENGENALAN

Rancangan perniagaan yang bakal kami jalankan ialah sebuah perniagaan yang berasaskan perkhidmatan pembersihan kawasan dalaman dan luaran di dalam negeri Melaka.

Perniagaan kami nanti akan dinamakan MAJU INDAH ENTERPRISE tertakluk kepada ikatan perkongsian yang akan kami tandatangani. Ibu pejabat kami akan berada di alamat B, Taman Maju Bukit Katil, Batu 5 1/2, Kampung Teluk Bukit Katil, 75450 Melaka.

Perniagaan seumpama ini mula dipergiatkan di Malaysia pada awal tahun 80-an, ketika itu Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, menyarankan agar sebahagian kerja-kerja di Jabatan Kerja Raya dan Dewan Bandaraya atau Majlis Daerah diswastakan bagi membolehkan rakyat Malaysia membabitkan diri di dalam sektor ekonomi terutama kaum bumiputera.

Perniagaan ini semakin berkembang dan mempunyai potensi untuk maju seiringan dengan permintaan yang semakin meningkat dan berkembangnya pembangunan setempat seperti hospital, kilang-kilang, institut pengajian tinggi, lebuh raya, taman-taman perumahan, kawasan awam seperti taman rekreasi, pantai, jabatan kerajaan dan swasta.

Kawasan-kawasan yang dijangka mempunyai potensi sebagai kawasan sasaran kami apabila memulakan perniagaan ialah Kawasan Perusahaan Ayer Keroh, Cheng, Melaka Raya, Selandar, Malim Jaya dan Melaka Tengah.

Kemajuan teknologi dan teknik akan kami gunakan sebagai kunci dalam usaha mencapai hasil kerja yang efektif dan efisien bagi mencapai matlamat pembersihan kawasan dalaman dan luaran.